

Bantu pasca banjir

Kerajaan tubuh jawatankuasa khas pulih kehidupan mangsa

ALOR SETAR - Kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengurus dan membantu mangsa-mangsa banjir untuk memulihkan semula kehidupan mereka selepas banjir.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jawatankuasa khas itu akan menyalurkan sebarang bentuk bantuan yang boleh diberikan kerajaan dengan cepat untuk memudahkan mangsa banjir meneruskan kehidupan.

Katanya, di Kedah jawatankuasa itu dipengerusikan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Bashah Md Hanipah bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung, yang turut disertai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Johari Baharom serta wakil kerajaan pusat dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Pertama saya minta kita kena ada daftar, rekod mangsa banjir ini. Kalau ada 40,000 mangsa, rekodkan keluarga dan semua anggota, keluarga terlibat. Hanya ada satu daftar, satu rekod.

"Rekod mesti dimulakan sekarang; dari setiap kampung yang terlibat hingga siapa yang terlibat, jumlah keluarga dan dari mana mereka datang. Tujuannya untuk kita meneliti bentuk



● Air bah yang membanjiri kawasan sekitar Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim dan Kolej Tentera Udara Diraja Malaysia semakin surut, namun diselaputi lumpur.

bantuan yang kita boleh sampaikan untuk membolehkan mereka membina semula kehidupan mereka," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa banjir di Stadium Sultan Abdul Halim di sini semalam.

Beliau berkata, banyak perkara perlu direkodkan seperti kawasan rumah tenggelam, rumah rosak, kebun musnah, padi hanyut, haiwan mati dan itu semua penting untuk direkodkan.

"Daftar itu akan disediakan oleh jawatankuasa berkenaan untuk disemak dan kemudian dibawa kepada pihak

Majlis Keselamatan Negara. Kemudian akan bawa kepada Perdana Menteri.

"Apa saja bantuan yang boleh disampaikan. Saya tak katakan semua berhak dapat, tetapi mana-mana yang layak mereka akan dibantu. Contohnya, masalah tanaman, apa yang menjana pendapatan dan hal-hal lain kebajikan," katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa itu juga akan menentukan pihak yang akan menerima pendaftaran mangsa banjir dan pihak yang akan mengesahkan butiran setiap laporan. - Bernama

Tanaman musnah petani rugi RM12j

PADANG BESAR - Kerajaan Perlis akan memohon bantuan Kerajaan Pusat bagi membantu petani yang mengalami kerugian lebih RM12 juta setelah hasil pertanian mereka terutama padi musnah akibat banjir.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu berkata, permohonan itu akan dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada masa terdekat.

Katanya, banjir buruk yang melanda Perlis sejak Isnin lalu telah memusnahkan pelbagai tanaman seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran, termasuk yang sedang dituai bernilai lebih RM 12 juta.

"Bantuan utama yang dipohon bersifat ganti rugi terhadap modal yang dibelanjakan oleh mereka seperti untuk membeli benih, baja dan racun," katanya selepas melawat beberapa kawasan pertanian seperti sawah, ladang sayur-sayuran dan kebun buah-buahan di kawasan Parlimen Kangar,

Arau dan Padang besar di sini semalam.

Sebelum itu, Md Isa diberi taklimat mengenai bencana banjir yang merosakkan hasil pertanian oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Koperasi negeri, Sabry Ahmad.

Menurut Md Isa, kerugian bagi tanaman padi ketika banjir kali ini adalah kira-kira RM9.7 juta, sayur-sayuran lebih RM2 juta dan tanaman buah-buahan lebih RM344,000.

Beliau berkata, tanaman padi yang musnah itu pula berusia antara 20 dan 60 hari, sama ada di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) mahu pun di luar Mada.

Perlis mempunyai kawasan tanaman padi seluas keluasan 14,593 hektar iaitu 6,177 hektar di luar kawasan Mada yang diusahakan oleh 5,776 petani, manakala tanaman padi dalam kawasan Mada seluas 8,416 hektar yang membabitkan 4,800 orang petani. - Bernama

Peralatan logistik bomba hadapi bencana alam cukup

ALOR SETAR - Peralatan logistik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk menyelamatkan mangsa bencana alam di negara ini mencukupi.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, setiap negeri mempunyai peralatan logistik seperti bot penyelamat pelbagai guna, jentera bomba dan kenderaan pacuan empat roda mereka sendiri yang dipastikan berada dalam keadaan baik.

"Semua peralatan pasukan JBPM berada dalam keadaan sedia untuk digunakan pada waktu kecemasan seperti kejadian banjir awal bulan ini yang melanda utara Kedah, Perlis dan Kelantan.

"Justeru anggota bomba tidak menghadapi sebarang masalah dalam melaksanakan operasi menyelamatkan mangsa bencana alam dan ia sekali gus dapat memberi khidmat yang terbaik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat pengurusan Ops Banjir dan melawat bilik operasi gerakan banjir pasukan itu, di sini semalam.

Buat masa ini JBPM Kedah mempunyai 11 bot penyelamat, bot amphibious (1), lori (13) dan kenderaan pelbagai guna (MPV) pelbagai jenis (17) yang digunakan dalam operasi banjir di negeri itu.

Mengenai kejadian banjir di negeri ini, Wan Mohd berkata beliau amat berpuas hati terhadap 600 anggotanya yang bertungkus lumus menyelamatkan mangsa banjir di tiga buah daerah iaitu Kota Setar, Kubang Pasu dan Padang Terap.

Peniaga serik mohon bantuan, takut tidak ditunai

JITRA - Beberapa peniaga di pekan Jitra 2 di sini, mendakwa serik untuk mendaftarkan diri dalam senarai mangsa banjir untuk mendapatkan bantuan kerana pernah tertipu selepas banjir besar pada 2005.

Low Poh Wan, 47, berkata, masa itu mereka diminta mendaftarkan nama mereka untuk mendapat bantuan kewangan.

"Tunggu punya tunggu, apa pun tak dapat. Sekarang saya sudah malas lagi mendaftar. Tak guna daftar kalau kena tipu macam tu; tak dapat apa-apa pun," katanya ketika ditemui di premisnya di pekan Jitra 2, di sini, semalam.



● Seorang pekerja di Pusat Optik Jitra Optical Centre membersihkan premis itu yang dilanda banjir besar sejak 1 November lepas.

Pok Wan, pemilik Wan

Hantaran Enterprise, yang menjual pelbagai barangan seperti bunga hiasan, barangan jahitan serta baran-

gan hantaran perkahwinan berkata, akibat banjir pada 2005 beliau rugi lebih RM5,000.

Dalam kejadian banjir yang sedang melanda beberapa kawasan di Kedah, termasuk kawasannya, dia rugi lebih RM10,000.

Pemilik Pusat Optik Jitra Optical Centre, Doreen Tan pula berkata, banyak barang seperti bingkai kaca mata rosak akibat terkena air berlumpur dan kedainya terpaksa ditutup lebih kurang seminggu lagi untuk kerja pembersihan. - Bernama

Paras air dijangka tidak meningkat lagi walau hujan

SHAH ALAM- Paras air dijangka tidak akan meningkat walaupun keadaan cuaca mendung dan hujan renyai-renyai dijangka berterusan melanda Perlis dan Utara Kedah pada sebelah malam dan awal pagi.

Bagaimanapun, lebih banyak hujan dijangka pada sebelah petang dan malam, terutamanya di kawasan pedalaman dan mungkin berterusan

sehingga esok, namun ia tidak akan memburukkan lagi keadaan banjir di negeri-negeri itu.

Jabatan Meteorologi Malaysia melalui laman webnya memberitahu, Kelantan dan Terengganu dijangka mendung dan hujan berserta ribut petir di beberapa tempat pada sebelah petang dan malam sehingga esok.

Sementara itu, amaran ribut petir

dikeluarkan dan dijangka melanda beberapa kawasan perairan di Semenanjung dan Sabah, Sarawak dan mungkin berterusan sehingga pagi semalam.

Antara perairan terlibat ialah di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Sarawak (Betong, Mukah dan Bintulu), Sabah (Pantai Barat, Kudat dan Sandakan), Wilayah Persekutuan Labuan dan Palawan.

Lambat lawat mangsa banjir

Azizan bidas Muhyiddin, dakwaan tidak berasas

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR - Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak membidas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana lewat melawat mangsa banjir yang disifatkan terburuk pernah berlaku di negeri ini.

Beliau berkata, sebagai pemimpin nombor dua, sepatutnya Muhyiddin tiba lebih awal untuk meninjau nasib penduduk Kedah, termasuk melawat bilik operasi banjir negeri untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini.

"Setelah tujuh hari bencana berlaku, baru (beliau) datang meninjau mangsa banjir. Air banjir pun sudah surut dan sebahagian (mangsa) balik ke rumah masing-masing. Sepatutnya datang lebih awal, baru nampak situasi sebenar," katanya sebelum memulakan konvoi melawat mangsa banjir ke lima pusat penempatan sekitar daerah Kota Setar dan Anak Bukit.

Lima pusat penempatan banjir itu ialah Sekolah Wawasan Taman Aman, Sekolah Kebangsaan (SK) Sematang Gunong, Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Rotan, SK Seberang Nyonya dan Kuarters Polis



“Setelah tujuh hari bencana berlaku, baru (beliau) datang meninjau mangsa banjir. Air banjir pun sudah surut dan sebahagian (mangsa) balik ke rumah masing-masing. Sepatutnya datang lebih awal, baru nampak situasi sebenar.”

- Azizan

Taman Derga Jaya.

Mengulas kenyataan Muhyiddin kelmarin, kononnya Kerajaan Kedah lepas tangan dan menyerahkan tanggungjawab membantu mangsa kepada Pusat, Azizan berkata, itu dakwaan tidak berasas kerana semua agensi bawah Kerajaan Negeri termasuk Pusat bekerjasama dengan baik menangani bencana ini.

"Kita ada Jawatankuasa Bencana Alam peringkat negeri diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri, bilik gerakan banjir peringkat daerah termasuk semua agensi terlibat seperti polis, tentera, sektor awam bekerjasama dengan baik. Tiada sentimen politik langsung," katanya.

Azizan berkata, kenyataan itu hanya berdasarkan laporan pemimpin UMNO yang sengaja mahu men-

cetuskan isu, sebaliknya Muhyiddin tidak ke lokasi yang betul bagi mendapatkan maklumat tepat.

"Saya terkilan kerana apa yang disebar tidak betul. Sepatutnya datang negeri orang, kenalah tanya saya dulu mengenai perkembangan terkini. Bukan buat andaian semata-mata," katanya.

Ditanya mengenai desas-desus kononnya setiap mangsa banjir akan memperoleh RM500 seorang, Azizan berkata, Kerajaan Negeri tidak pernah menjanjikan bantuan seperti itu, seeloknya dirujuk kepada Pusat mengenai dakwaan tersebut.

"Rujuklah kepada Kerajaan Pusat, mungkin mereka yang mahu beri. Kita cuma sampaikan bantuan secara keseluruhan," katanya.

Celcom bekal 30,000 botol air bersih

ALOR SETAR - Celcom Axiata Berhad (Celcom) membekalkan 30,000 botol air bersih di pusat-pusat penempatan banjir di negeri ini bagi membantu mengurangkan masalah kekurangan bekalan asas itu untuk kegunaan seharian.

Pengurus Besar Celcom Kedah/Perlis dan Seberang Jaya, Farizad Khan Mohd Ali berkata, selain membekalkan air bersih, pihaknya juga menyediakan booth khas di dua pusat penempatan mangsa banjir iaitu di Stadium Sultan Abdul Halim dan Sekolah Kebangsaan Seri Perdana di sini.

"Di booth ini kami menawarkan perkhidmatan tambah nilai percuma bagi setiap tambah nilai, contohnya jika tambah RM10 dapat percuma lagi RM10.

"Selain itu kami menyediakan kad sim percuma, perkhidmatan caj telefon bimbit

dan bagi sesiapa yang tidak mempunyai telefon dan ingin membuat panggilan, boleh menggunakan telefon bimbit yang kami sediakan secara percuma," katanya ketika ditemui di Stadium Sultan Abdul Halim, di sini, semalam.

Selain Celcom, antara syarikat korporat lain turut menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di negeri ini ialah Penawar Lagenda Marketing dengan kerjasama Red Frame Group of Companies yang menyumbangkan keperluan harian termasuk air bersih.

Pengurus Pemasaran syarikat berkenaan, Mohd Auzani Johari berkata, syarikatnya mengedarkan bekalan seperti air mineral, roti, biskut, kopi, gula dan makanan segera kepada mangsa banjir di sekitar Kuala Sungai, Taman Uda dan jalan Langgar di sini. - Bernama